

Mohammad Hamdan berkata, sebahagian besar daripada peruntukan akan digunakan untuk menyediakan fasiliti latihan terkini khususnya untuk meningkatkan keupayaan Pasukan Penyelamat di Air (PPDA), pasukan penyelamat kemalangan domestik dan kemalangan industri.

“Untuk fasiliti latihan PPDA di Akademi JBPM Wakaf Tapai sahaja kami memerlukan peruntukan sebanyak RM25 juta.

“JBPM juga akan memperbanyakkan pasukan penyelamat di gunung dan gua dengan ketika ini pasukan penyelamat gunung sudah ditubuhkan di Sabah selain di Pahang dan Perak manakala di Sarawak akan ditubuhkan di Taman Negara Mulu,” katanya.

Selaras hasrat untuk meningkatkan keupayaan menangani cabaran baharu, JBPM turut mengubah corak latihan dengan memberi tumpuan kepada penggunaan simulator.

“Penggunaan simulator kini perlu kerana kami tidak boleh lagi menjalankan latihan seperti dahulu kerana jika kita membakar bangunan sebenar (untuk tujuan latihan pemadaman), ia akan mencetuskan isu alam sekitar pula kerana akademi kami kini dikelilingi oleh kediaman serta premis perniagaan.

“Sebab itu, kemudahan latihan simulator antara yang akan dibangunkan dengan sebahagian daripada peruntukan berjumlah RM45 juta yang kami perlukan untuk penambahbaikan di akademi di Wakaf Tapai,” katanya.

Selain itu katanya, sebuah akademi latihan juga akan dibina di Sabah manakala satu lagi di Sarawak.